



**MEDICINE TO TREAT: EMERGENCY CONTRACEPTION**

**UBAT UNTUK MERAWAT: KONTRASEPTIF KECEMASAN**

Levonorgestrel (Postinor-2)

**1. Apakah kegunaan ubat ini?**

Postinor-2 digunakan untuk mengurangkan kemungkinan kehamilan selepas hubungan seks tanpa perlindungan.

**2. Bagaimanakah seharusnya saya makan ubat ini?**

- Anda seharusnya mengambil dos pertama (1 biji) secepat yang mungkin dalam tempoh 72 jam selepas hubungan seks tanpa perlindungan. Dos kedua (1 biji) seharusnya anda ambil 12 jam selepas dos pertama.
- Jika anda muntah dalam tempoh 2 jam selepas mengambil ubat ini, anda harus mengambil sebiji lagi sebagai dos gantian. Sila jumpa doktor untuk mendapatkan dos tambahan.
- Anda seharusnya jumpa doktor jika anda terlupa mengambil dos kedua.

**3. Apakah kesan-kesan sampingan yang mungkin saya alami semasa makan ubat ini?**

Kesan-kesan sampingan Postinor-2 adalah seperti:

- Rasa loya atau muntah
- Pening
- Sakit kepala
- Letih
- Kesakitan pada bahagian payu dara
- Dalam sesetengah kes, perdarahan antara haid (spotting) mungkin akan berlaku dalam masa 2-3 hari selepas mengambil ubat ini.

#### **4. Bagaimanakah saya tahu bahawa saya mempunyai alahan terhadap ubat ini?**

Tanda-tanda alahan ubat termasuk salah satu atau beberapa yang berikut:

- Muka/mata/bibir bengkak
- Kesukaran bernafas
- Ruam kulit yang gatal pada seluruh badan

Jika anda mengalami mana-mana tanda di atas, anda seharusnya berhenti ambil ubat tersebut dan berjumpa dengan doktor dengan segera.

#### **5. Apakah langkah-langkah pengawasan yang harus saya ambil semasa makan ubat ini?**

- Jangan ambil lebih daripada 4 biji dalam tempoh sebulan. Ubat ini tidak seharusnya digunakan sebagai langkah kontrasepsi yang biasa.
- Haid anda yang seterusnya adalah dijangkakan untuk datang seperti biasa. Namun, jika haid anda lewat selama 7 hari atau lebih, anda seharusnya melakukan ujian kehamilan.
- Maklumkan doktor anda dengan segera jika anda mengalami kesakitan yang teruk pada bahagian bawah perut selepas mengambil ubat ini.

#### **6. Bagaimanakah seharusnya saya simpan ubat ini?**

- Simpan ubat-ubat anda dalam botol atau kotak yang asal. Pastikan botol atau kotak tersebut ditutup ketat dan disimpan di tempat yang dingin dan kering serta jauh dari sinaran matahari.
- Jauhi ubat ini daripada kanak-kanak.
- Buangkan semua ubat yang telah luput.

Risalah ini hanya menjawab sesetengah soalan lazim mengenai ubat ini. Ia tidak mengandungi segala maklumat yang sedia ada. Ia juga tidak menggantikan perbincangan anda dengan doktor atau ahli farmasi anda.